

APAKAH YANG ADA PADA RISALAHINI

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang Lipothin. Ia tidak mengandungi semua maklumat mengenai Lipothin. Risalah ini hanyalah sebagai rujukan, ia tidak menggantikan nasihat daripada doktor/ ahli farmasi. Sila baca dan fahami seluruh kandungan risalah ini sebelum anda mula mengambil ubat anda. Ubat ini adalah untuk anda, jangan berikan kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang sama seperti anda. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai ubat ini, sila tanya doktor / ahli farmasi anda. Simpan risalah ini, anda mungkin perlu membacanya lagi.

1. APakah KEGUNAAN LIPOTHIN

Lipothin digunakan sebagai rawatan sampingan bersama diet untuk merendahkan paras kolesterol darah.

2. BAGAIMANA LIPOTHIN BERFUNGSI

Fenofibrate tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai 'fibrates'. Ia berfungsi merendahkan paras triglycerida dan kolesterol buruk dalam badan dan pada masa yang sama meningkatkan paras kolesterol baik.

3. SEBELUM MENGAMBIL LIPOTHIN

Jangan ambil ubat ini sekiranya:

- Anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif fenofibrate atau bahan berkaitan atau bahan lain dalam formulasi ini
- Mempunyai penyakit ginjal
- Mempunyai penyakit hati
- Mempunyai penyakit pundi hempedu
- Pernah mengalami sensitiviti terhadap cahaya semasa rawatan dengan fibrates / ketoprofen
- Hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusu
- Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak.

Sebelum anda mula mengambil ubat ini
Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mempunyai:

- Mempunyai alahan terhadap ubat-ubat lain, makanan, bahan pengawet atau pewarna
- Masalah hati
- Masalah ginjal
- Pernah mengalami bilangan sel darah merah dan putih menjadi rendah semasa mengambil ubat jenis yang sama
- Pernah menghidapi penyakit batu karang atau radang pada pankreas semasa mengambil ubat jenis yang sama
- Sakit otot semasa mengambil ubat kolesterol yang lain.

Pesakit tua dinasihatkan agar lebih berhati-hati semasa mengambil ubat ini kerana fungsi ginjal mungkin terjejas. Sentiasa jalani pemeriksaan untuk memastikan keadaan ginjal.

Mengambil ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Ubat-ubat ini mungkin dipengaruhi oleh **Lipothin** atau mempengaruhi fungsi ubat **Lipothin**. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai maklumat lebih lanjut mengenai ubat-ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil ubat-ubat berikut:

- Ubat yang menghalang pembekuan darah seperti warfarin
- Ubat untuk mengurangkan kolesterol jenis statin seperti simvastatin.
- Ciclosporin (ubat imunosupresan)
- Ubat resin yang menghalang asid hempedu daripada diserap seperti cholestyramine.

Semasa mengandung dan menyusu bayi

Sila maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini. Doktor anda akan menyarankan ubat yang sesuai untuk digunakan semasa mengandung.

4. CARA MENGGUNAKAN LIPOTHIN

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Penggunaan **Lipothin** perlulah disertakan dengan diet rendah lemak dan rawatan perubatan atau senaman.

Berapa banyak harus diambil
Satu kapsul sehari

Bila perlu diambil:
Ia selalunya diambil sebelum atau selepas makan

Berapa lama perlu diambil
Ambil ubat ini selagi diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini membantu untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Jangan berhenti mengambil ubat ini dengan tiba-tiba.

Jika terlupa mengambil
Jika anda lupa satu dos, ambil sejurus anda teringat, tetapi sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, anda bolehlah cuma mengambil dos seterusnya. Jangan sesekali mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Sekiranya anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda, atau sesiapa telah mengambil ubat ini secara berlebihan, anda hendaklah pergi ke Bahagian Rawatan Kecemasan Hospital terdekat atau maklumkan kepada doktor anda dengan segera. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa bersama bungkusan atau baki ubat biji yang selebihnya dengan anda.

5. SEMASA MENGGUNAKAN LIPOTHIN

Perkara yang harus dilakukan

- Periksa paras kolesterol anda semasa diarahkan oleh doktor anda untuk memastikan ubat ini berkesan untuk anda
- Doktor anda mungkin akan melakukan ujian darah untuk memastikan bilangan sel darah dan fungsi hati adalah normal.

- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengalami sakit otot, lemah atau kekejangan otot, terutamanya berserta dengan ketidakselesaan badan atau demam
- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengalami sakit abdomen, loya dan muntah yang mungkin disebabkan oleh keradangan. Keradangan pada pankreas mungkin merupakan tanda pembentukan batu karang
- Maklumkan kepada doktor, doktor gigi, ahli farmasi yang anda sedang mengambil **Lipothin**
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil ubat baru yang anda sedang mengambil **Lipothin**.
- Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda hamil semasa mengambil **Lipothin**.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan minum alkohol berlebihan kerana ia mungkin menyebabkan masalah pada hati
- Jangan gunakan **Lipothin** untuk mengubati penyakit lain
- Jangan berhenti mengambil **Lipothin** sebelum berbincang dengan doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Lipothin tidak mempengaruhi keupayaan untuk memandu, tetapi seperti ubat-ubat lain, sesetengah orang mungkin akan mengalami kepeninggan semasa menggunakan ubat ini.

6. KESAN-KESAN SAMPINGAN

Seperti ubat-ubat lain, **Lipothin** boleh menyebabkan kesan sampingan pada sesetengah orang. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin dialami oleh sesetengah orang:

Umum:

- Gangguan pada sistem gastrousus seperti sakit abdominal, loya, muntah, cirit-birit dan rasa kembung
- Masalah kulit seperti ruam, kemerahan, gatal, sensitif kepada cahaya
- Simptom-simptom neurologi seperti sakit kepala dan insomnia
- Letih, lesu dan vertigo (pening)

Jarang:

- Masalah hati (tahap enzim hati meningkat, hepatitis)

- Pembentukan batu karang
- Lemah otot, kejang, sakit sendi, *rhabdomyolysis* (penguraian otot)
- nafsu seks berkurang
- alopecia (keguguran rambut)
- bilangan sel darah merah dan putih menurun

No. 1 & 2, Jalan 6/33B,
MWE Commercial Park,
52000 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini
Ogos 2011

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengalami simptom-simptom lain. Kesan-kesan sampingan yang tidak disenaraikan diatas juga mungkin akan dialami oleh sesetengah orang.

7. CARA PENYIMPANAN DAN PELUPUSAN LIPOTHIN

Cara penyimpanan

Simpan ubat dalam bungkusan asal. Simpan di tempat sejuk (bawah 30°C) dan kering. Jauhkan dari kepanasan, cahaya dan kelembapan yang berlebihan. Jangan tinggalkan ubat anda di dalam kereta. Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak sepatutnya dibuang seperti biasa. Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mengetahui cara pelupusan.

8. MAKLUMAT LANJUT

Serbuk bewarna putih diisi dalam kapsul berwarna jingga

Bahan aktif: setiap kapsul mengandungi 200mg fenofibrate

Bahan lain: colloidal silicon dioxide, sodium starch glycolate, corn starch, povidone K-90, lactose, magnesium stearate, sodium lauryl sulfate

Pembungkusan

Pek blister aluminium dalam 3 x 10's kapsul sekotak

No. pendaftaran

MAL20040802A

9. PENGILANG

T.O. Chemicals (1979) Ltd.
280 Soi Sabaijai,
Suthisarn Road,
Bangkok 10320, Thailand.

10. PEMEGANG PENDAFTARAN

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.